

20/08/1998

Program pemulihan dari sudut pasaran

Barjoyai Bardai

MAJLIS Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengumumkan langkah komprehensif untuk menangani gejala kemelesetan ekonomi. Langkah ini yang meliputi enam sasaran utama menjanjikan pemulihan yang menyeluruh di dalam tempoh terdekat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum pengumuman langkah berkenaan oleh Tun Daim Zainuddin (sebagai Pengarah Eksekutif MTEN) menekankan terlebih dahulu perlunya Malaysia mengambil langkah inovatif menangani kegawatan ini. Beliau mencadangkan langkah untuk merencanakan pembangunan ekonomi diperkenalkan dengan segera.

Malangnya, sebaik sahaja langkah yang mempunyai enam matlamat utama ini diumumkan, pasaran dan pasaran mata wang di Malaysia terus menerus jatuh. Ini mungkin bukanlah semata-mata disebabkan oleh langkah yang tidak dilihat sebagai berupaya memulihkan keadaan ekonomi.

Kebetulan pada masa yang sama, apabila langkah ini diumumkan, Jepun menghadapi krisis politik dan ekonomi serta ini diikuti pula oleh tanda awal krisis di Amerika Syarikat dengan indeks komposit Dow Jones di New York turun melebihi 285 mata, kadar penurunan yang paling tinggi di dalam tempoh 12 bulan lalu.

Apakah ini permulaan kepada zaman kemelesetan ekonomi di seluruh dunia seperti yang diramalkan oleh penganalisis kewangan? Menurut mereka, seluruh dunia akan menghadapi krisis kemelesetan ekonomi yang lebih hebat daripada krisis yang berlaku pada 1973 yang disebabkan harga petroleum yang naik mendadak. Ada juga penganalisis yang melihat krisis seluruh dunia ini sebagai satu tahap awal menghadapi abad ke 21 yang akan menyebabkan banyak masalah timbul berpunca daripada era digital dan komputer.

Selain kemungkinan luar di atas, Malaysia menghadapi kesan yang semakin serius di dalam kegawatan ekonomi. Ini adalah disebabkan oleh penurunan taraf yang diumumkan Moody's, Standard & Poor dan Thomson Bank Watch.

Walaupun ia mungkin tidak begitu objektif, pada saat keyakinan pelabur sedang menurun, penurunan taraf ini pasti akan menjejaskan lagi keyakinan pelabur. Ini perlulah dilihat sebagai positif sebagai satu asas menilai tahap keyakinan pelabur dan penganalisis kewangan terhadap ekonomi negara kita.

Berbalik kepada pelan pemulihan ekonomi yang diumumkan oleh MTEN. Pastinya, kita cukup kagum dengan strategi yang cukup komprehensif meliputi usaha menstabilkan nilai ringgit, memulihkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, memperkukuhkan asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosio-ekonomi serta memulihkan kembali sektor yang terjejas.

Ini akan selanjutnya diikuti dengan strategi untuk menolak ekonomi ke hadapan melalui program 'boosting' pembangunan ekonomi dengan pelaksanaan projek infrastruktur yang penting seperti lebuh raya dan keperluan infrastruktur yang lain.

Saya sempat mendengar taklimat daripada salah seorang ahli MTEN di dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor yang lalu. Pelan tindakan setebal 400 muka surat itu turut diedarkan kepada orang ramai bagi menunjukkan betapa terbukanya Malaysia di dalam menangani masalah kegawatan ini.

Bagaimanapun, pasaran khususnya di dalam pasaran kewangan mengambil sikap hambar terhadap pelan tindakan ini. Pasaran saham terus turun dengan

pesat. Nilai mata wang tempatan terus turun berbanding dolar Amerika.

Apabila berbincang dengan penganalisis kewangan termasuklah juga pengurus dana asing, kebanyakan mereka tidak dapat memahami langkah di dalam Pelan Tindakan Ekonomi ini. Mereka melihat pelbagai isyarat yang berbeza daripada pemimpin yang berbeza, walaupun isu dan langkahnya mungkin sama.

Isu kadar faedah yang tinggi dan kadar kecairan yang sangat ketat menjadi isu penting yang diketengahkan oleh seseorang pemimpin manakala pemimpin yang lain pula menyetengahkan isu perlunya ekonomi diberikan satu tolakan baru melalui projek infrastruktur yang bakal mewujudkan banyak peluang perniagaan baru dan ini memberi nafas dan daya penggerak baru kepada ekonomi yang sedang tenat ini.

Satu lagi kumpulan ahli politik masih menekankan soal keadilan sosial, memperjuangkan golongan yang miskin dan golongan yang mungkin terpinggir di dalam ekonomi.

Jadi di dalam mesyuarat MTEN Selangor itu, sayapun memberanikan diri bertanya apakah silapnya pelan tindakan ekonomi yang sudah dikaji dan diatur cukup rapi itu?

Tentunya amat susah untuk menjawab soalan di atas kerana pertama, tempoh pelan tindakan diumumkan dan kini masih terlalu awal untuk menghakimi sama ada pelan itu akan gagal atau tidak. Kedua, ini mungkin tidak akan terjawab kecuali penganalisis ekonomi dan kewangan dunia dijemput untuk memberikan pandangan mereka.

Daripada pemerhatian dan analisis mengenai reaksi dan kesan pelan tindakan ekonomi itu terhadap keyakinan pelabur, saya cuba untuk membuat rumusan sendiri. Bagaimanapun rumusan saya ini mungkin tidak tepat kerana saya sendiripun belum melihat naskhah penuh Pelan Tindakan Ekonomi itu.

Berasaskan pada pemerhatian saya, saya rasa tidak ada cacatnya pelan itu. Semua yang perlu ditangani ada di dalam pelan itu dan insya-Allah apabila semuanya dilaksanakan, kita akan melihat perubahan yang sangat positif terhadap ekonomi negara kita.

Ini bagaimanapun tidak akan dilihat kesannya di dalam tempoh terdekat. Sekurang-kurangnya ekonomi negara memerlukan tempoh 12 bulan untuk menunjukkan kesan positif daripada pelan tindakan itu.

(END)